

**GARIS PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR KPM INDERA MAHKOTA
SESI 1 2022/2023 PENGAMBILAN MAC**

1) YURAN SEMESTER

Pelajar dikehendaki membayar yuran semester sebanyak **RM170.00** melalui **perkhidmatan bayaran elektronik MARAeps** dalam tempoh yang akan dimaklumkan kelak. Sila gunakan “Nama Pelajar dan No Kad Pengenalan pelajar” untuk tujuan tersebut.

2) YURAN MUAFAKAT

Semua pelajar **Semester 4 (semua program)** juga perlu membayar Yuran Muafakat sebanyak **RM50.00** ke akaun Muafakat Kolej Profesional MARA Indera Mahkota: CIMB – 8005363314. Sila muatnaik resit bayaran ke pautan berikut: <http://shorturl.at/dqBKO> .

3) PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL DI KPMIM

a) Semua pelajar kanan (Semester 2 dan ke atas semua program kecuali pelajar Semester 3 dan 4 bagi program DIA dan DEC serta yang sedang menjalani Latihan Industri) akan mendaftar secara fizikal di KPMIM seperti ketetapan berikut:

Tarikh	Masa	Lokasi	Kumpulan Pelajar
12 Mac 2022 (Sabtu)	9.00 pagi – 1.00 petang	Asrama Ilham	Semua siswa
		Asrama Idaman	Siswi Semester 2 (semua program)
	2.00 petang – 5.00 petang	Asrama Impian	Siswi: Semester 3 & 4 (DCD & DCN) Semester 5 & 6 (semua program)
13 Mac 2022 (Ahad)	9.00 pagi – 12.00 tengah hari	Pejabat Felo	Yang terlibat dengan PRN Johor

b) Penempatan di asrama KPMIM disediakan kepada semua pelajar yang perlu kembali ke kolej pada Sesi 1 2022/2023 Pengambilan Mac (kecuali yang memohon tinggal di luar).

c) Pelajar-pelajar Semester 3 dan 4 bagi program DIA dan DEC akan mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di rumah masing-masing pada Sesi 1 2022/2023.

d) Pelajar yang berada dalam tempoh menjalani kuarantin (*Home Surveillance Order*) kerana positif COVID-19 atau kontak rapat kes positif COVID-19 perlu memohon penangguhan daftar secara fizikal di kolej kepada Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar KPMIM (mahshitoh.musa@mara.gov.my) sebelum 12 Mac 2022.

- e) Pelajar perlu mengisi dan mengemukakan Borang Deklarasi Kesihatan dan Borang Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga Pelaksanaan Ujian Saringan Kendiri COVID-19 yang disediakan seperti di **Lampiran D & E** sebelum kembali ke kolej.
- f) Pelajar KPM **DIWAJIBKAN** untuk menjalani ujian saringan COVID-19 sebelum kembali ke kolej. Selaras dengan panduan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan yang dikeluarkan oleh KKM dan Pengukuhan Pelan Pemulihan Negara SOP Sektor Pendidikan Tinggi (Tarikh kemaskini: 17 Februari 2022):
 - (i) Pelajar yang **lengkap divaksin, tidak lengkap divaksin dan tidak divaksin (atas sebab kesihatan)** perlu menjalani ujian **RTK-Ag Kendiri** sebelum kembali ke kolej (selepas cuti panjang termasuk cuti penggal dan cuti umum); dan
 - (ii) Pelajar yang **tidak divaksin (memilih untuk tidak menerima vaksin)** perlu menjalani **ujian RT-PCR** tiga (3) hari sebelum kembali ke kolej (selepas cuti panjang termasuk cuti penggal dan cuti umum). Kos ujian RT-PCR/RTK-Ag bagi pelajar yang tidak divaksin ditanggung oleh pelajar.
- g) Pelajar KPM yang menetap di luar kolej/rumah keluarga:
 - a. dan lengkap vaksin **DIBENARKAN** memasuki kolej dengan pematuhan SOP yang ditetapkan.
 - b. dan yang tidak lengkap divaksin atau tidak divaksin (atas sebab kesihatan atau memilih untuk tidak menerima vaksin) **DIBENARKAN** dengan pematuhan SOP dan pelaksanaan ujian RTK-Ag seminggu sekali.
- h) Pelajar juga perlu menyediakan Kit Ujian Kendiri COVID-19 untuk tujuan Ujian Kendiri COVID-19 semasa hadir lapor diri di asrama/kolej (tanggungannya sendiri).
- b) Hanya ahli keluarga yang sihat (dengan bilangan yang minima) dibenarkan hadir untuk menghantar para pelajar pada hari pendaftaran kolej.
- c) Seorang waris lelaki dibenarkan masuk ke Asrama Ilham dan seorang waris perempuan dibenarkan masuk ke Asrama Impian / Idaman untuk tujuan menghantar barang ke bilik asrama pada hari pendaftaran.

4) KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)

- a) Sesi akademik pada Sesi 1 2022/2023 Pengambilan Mac akan bermula pada **14 Mac 2022 (Isnin)**.
- b) Pelaksanaan PdP di KPMIM pada Sesi 1 2022/2023 adalah secara hibrid:
 - i) gabungan bersemuka dan dalam talian (*blended learning*) (pelajar yang perlu kembali ke kolej):
 - **14 Mac – 18 Mac 2022 (Minggu 1): kuliah secara dalam talian**
 - **mulai 21 Mac 2022 (Minggu ke-2 & seterusnya) : kuliah secara gabungan (bersemuka & dalam talian)**
 - ii) dalam talian sepenuhnya di rumah masing-masing (**bagi pelajar Semester 3 dan 4 program DIA dan DEC**).

c) Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Waktu Kuliah yang akan diedarkan kelak.

5) KESELAMATAN DAN KESIHATAN

- a) Kategori pelajar KPM yang **DIBENARKAN** kembali ke kolej adalah:
- (i) pelajar baharu dan kanan yang **telah lengkap divaksin**;
 - (ii) pelajar baharu dan kanan yang **belum lengkap divaksin**;
 - (iii) pelajar baharu dan kanan yang **tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan**; dan
 - (iv) pelajar baharu dan kanan yang **layak divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin**
- b) Pengukuhan Pelan Pemulihan Negara SOP Sektor Pendidikan Tinggi (Tarikh kemaskini: 17 Februari 2022) ke atas pelajar baharu dan kanan KPM dan KM yang masih **tidak lengkap divaksin** dan **tidak divaksin (atas sebab kesihatan)** merujuk kepada:
- a. Pelaksanaan Ujian RTK-Ag sekali sebelum kembali ke kolej (selepas cuti panjang termasuk cuti penggal dan cuti umum);
 - b. Pelaksanaan Ujian RTK-Ag secara berkala (seminggu sekali); dan
 - c. Pelaksanaan Ujian RTK-Ag sekiranya bergejala.

Bagi pelajar yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, mereka perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar.

Manakala Pengukuhan Pelan Pemulihan Negara SOP Sektor Pendidikan Tinggi (Tarikh kemaskini: 17 Februari 2022) ke atas pelajar baharu dan kanan yang **tidak divaksin (memilih untuk tidak menerima vaksin)** merujuk kepada:

- (i) Pelaksanaan Ujian RT-PCR sekali tiga (3) hari sebelum kembali ke kolej (selepas cuti panjang termasuk cuti penggal dan cuti umum);
 - (ii) Pelaksanaan Ujian RTK-Ag berkala (seminggu sekali); dan
 - (iii) Pelaksanaan Ujian RTK-Ag sekiranya bergejala
 - (iv) Kos ujian RT-PCR/RTK-Ag bagi pelajar yang tidak divaksin ditanggung oleh pelajar.
- c) Aktiviti riadah dan aktiviti sosial di kolej hanya dibenarkan **mulai 21 Mac 2022**.
- d) Sila patuh kepada arahan kawalan keselamatan pencegahan penularan COVID-19 yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Nasional (MKN), KKM, MARA dan kolej.

KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA

8 Mac 2022